

# Hanya ahli perniagaan serius akan dibenar

ikut PM  
UM 16 MAR 2000

KLJALA LUMPUR 15 Mac — Kerajaan akan memastikan semua ahli perniagaan yang mengikuti rombongan Perdana Menteri ke luar negara pada masa depan lebih serius mengikuti program-program yang disediakan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, ia bagi mengelakkan kejadian yang berlaku semasa lawatan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Indonesia baru-baru ini, tidak berulang.

“Kerajaan akan mengambil perhatian terhadap kejadian (sikap tidak serius ahli perniagaan) di Indonesia itu.

“Ahli-ahli perniagaan seharusnya mengambil peluang tersebut untuk meninjau peluang-peluang perniagaan yang disediakan,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO di sini hari ini.

Semalam, Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM), Tan Sri Tajudin Ramli melahirkan perasaan kecewa terhadap sikap ahli perniagaan Malaysia yang tidak menyertai mesyuarat dan program dalam lawatan Dr. Mahathir ke Indonesia itu.

Sebelum itu Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, membidas sikap ahli perniagaan Malaysia terabit yang memalukan negara dengan tidak menghadiri perjumpaan perniagaan yang dirancang dengan ahli perniagaan Indonesia.

Menurut Abdullah, beliau menyambut baik amaran Tajudin terhadap ahli-ahli perniagaan yang tidak serius itu supaya tidak perlu lagi menyertainya pada masa akan datang.